

TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI
AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA
UPACARA SOVEREIGN'S PARADE
PENGAMBILAN KE DUA PULUH SATU
SEKOLAH PEGAWAI KADET,
AKADEMI PERTAHANAN
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

PADA HARI KHAMIS
04 REJAB 1444 / 26 JANUARI 2023

BERTEMPAT
PADANG KAWAD AKADEMI PERTAHANAN
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
KAMPUNG TANAH JAMBU

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Pujian dan syukur ke hadhrat Allah *Subhanahu Wata'ala* kerana mengizinkan kita dapat hadir di Upacara *Sovereign's Parade* Pengambilan Ke Dua Puluh Satu (21), Sekolah Pegawai Kadet Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada pagi ini. Beta mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pegawai-Pegawai Kadet di atas pertunjukan perbarisan yang penuh semangat sebentar tadi.

Seramai 64 orang Pegawai Kadet yang terdiri daripada 45 Lelaki dan 19 Wanita telah berjaya menjalani latihan Pegawai Kadet selama 48 minggu. Ini bererti, seramai 752 orang pemimpin tentera telahpun berjaya dilahirkan sejak penubuhan Sekolah Pegawai Kadet 14 tahun yang lalu. Beta turut berbangga di atas pencapaian ini, sambil tidak lupa merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada para ibu-bapa dan penjaga diatas dorongan dan sokongan mereka untuk kejayaan latihan ini.

Pada pengambilan kali ini, Beta gembira dengan langkah meningkatkan kredibiliti dan kapasiti pembelajaran Sekolah Pegawai Kadet iaitu seperti yang dapat dilihat melalui penglibatan latihan luar negeri ke Republik Singapura seperti *Joint Urban Operations* bersama *Singapore Armed Forces Training Institute-Military Institute* (SAFTI-MI), yang buat pertama kalinya melibatkan semua perkhidmatan Pegawai Kadet Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara. Skop Sekolah Pegawai Kadet juga turut dikembangkan lagi penglibatannya dengan mengikuti *International Army Cadet Week* bersama Republik Rakyat China dan *SAFTI-MI International Cadet Conference* di Republik Singapura.

Dalam usaha untuk mengembangkan pembelajaran dan menghasilkan Pegawai Tentera yang berpengetahuan tinggi, maka Akademi Pertahanan memang perlu untuk membuat kolaborasi dengan universiti dan institusi pendidikan tentera, samada dari luar negara mahupun tempatan sebagai *academic provider* kepada Akademi Pertahanan. Selain bagi tujuan melahirkan pemimpin tentera yang kredibel, komitmen seumpama ini juga adalah mampu untuk menaikkan lagi taraf akreditasi pendidikan Akademi Pertahanan sehingga sebanding dengan institusi pendidikan tentera luar negara.

Untuk melahirkan pemimpin tentera yang kredibel, RBAF *Leadership Model* adalah memainkan peranan utama sebagai pembentuk watak atau karakter yang kita kehendaki. Kita hanya mahukan pemimpin-pemimpin yang berwatak atau berkarakter kebruneian semata-mata, dengan ditambah lagi memiliki sifat-sifat jujur, amanah, takwa, berani, setia dan profesional. Inilah Model Kepimpinan yang sangat-sangat didambakan oleh Brunei.

Berpandukan kepada Model Kepimpinan seperti inilah, insya Allah, tapisan pemilihan bagi bakal Pegawai ABDB di Sekolah Pegawai Kadet akan lebih terperinci lagi dilaksanakan, dengan mengambil kira juga *standard* pembelajaran dan mutu latihan hendaklah sentiasa ditahap yang tinggi dan tidak berkompromi dengan apa-apa jua perkara yang boleh menjejaskan mutu latihan.

Beta mengambil maklum, bahawa mulai Pengambilan Ke Dua Puluh Dua (22) pada tahun 2023 ini, Sekolah Pegawai Kadet buat julung kalinya akan menerima kemasukan Pegawai Kadet dari luar negara. Ini selain dapat meningkatkan hubungan diplomasi pertahanan, kehadiran Pegawai Kadet luar negara juga akan memberikan nilai tambah dan pengiktirafan terhadap Sekolah Pegawai Kadet kita sebagai setanding dengan Sekolah Pegawai Kadet luar negara.

Untuk akhirnya, Beta sekali lagi mengulangi ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada semua Pegawai Kadet yang telah berjaya menamatkan latihan mereka. Beta juga tidak lupa merakamkan ucapan penghargaan kepada Komandan Akademi Pertahanan, Pegawai Pemerintah, Pegawai-Pegawai *Colour Sergeant* dan Jurulatih Sekolah Pegawai Kadet diatas usaha mereka melatih dan mendidik Pegawai-Pegawai Kadet. Semoga Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan terus berkembang maju dan sentiasa didalam pemeliharaan Allah *Subhanahu Wata'ala*, Amin Ya Rabbal 'Alamin.

Dengan lafaz ***Bismillahir Rahmanir Rahim***, Beta dengan ini mengurniakan Tauliah sebagai Pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei kepada **Enam Puluh Empat (64)** Pegawai Kadet Pengambilan Kedua Puluh Satu (21).

Sekian, *Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*